

Projek Naratif Seni Rupa Malaysia ini dihasilkan dengan bantuan badan-badan korporat, penaja-penaja dan rakan-rakan buku kami serta lain-lain penyumbang.



**gudang**  
DAMANSARA  
**MALAKOFF**



**ecmlibra**



**ekuinás**  
EKUITÁ NASIONAL BERHAD



YAYASAN

Kenneth Tan

30 Art Friends

Rosemary & Steve Wong

Dengan sokongan  
**The Krishen Jit-ASTRO Fund**

Ketua-ketua Editor projek  
Naratif Seni Rupa Malaysia  
**Nur Hanim Khairuddin, Beverly Yong**

Editor jilid ini  
**Nur Hanim Khairuddin, Beverly Yong, Rahel Joseph dan Tengku Sabri Ibrahim**

Editor untuk bahagian peta,  
susurmasa dan gambar  
**Rachel Ng**

Editor Penasihat untuk bahagian peta  
dan pendidikan seni  
**Yap Sau Bin**

Penyelidik bahagian peta  
**Krystie Ng, Okui Lala**

Pembaca Pruf  
**Teratak Nuromar**

Pembantu Penerbitan  
**Goh Sze Ning, Chiang Xi Ning, Alexandra Tan dan Daniel Koh**

Reka bentuk  
**Studio MMCMM, KuwaKenta**

Percetakan  
**Pakatan Tusen Cetak Sdn Bhd**

Diterbitkan oleh  
**RogueArt**  
i-7 Taman Tunku Apartments, Bukit Tunku  
Kuala Lumpur 50480, Malaysia  
www.rogueart.asia

[narrativesinmalaysianart.blogspot.com](http://narrativesinmalaysianart.blogspot.com)

Segala pendapat yang diterbitkan di dalam buku ini merupakan pendapat para pengarang serta sumber-sumber petikan mereka dan tidak semestinya mewakili pendapat penerbit.

© 2016 RogueArt, pengarang-pengarang, dan pemegang-pemegang hakcipta gambar.

ISBN 978 967 10011 6 5

Hakcipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian di dalam penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan di dalam sistem retrival, atau diedarkan dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa-apa jua cara kecuali untuk tujuan penyelidikan atau kajian peribadi, ulasan dan kritikan, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit. Langkah-langkah telah diambil untuk menjelaki para pemegang hakcipta, tetapi sekiranya pihak kami terlepas pandang akan mana-mana perkara, RogueArt bersedia untuk menguruskan perkara-perkara yang berkenaan dengan kadar segera.

# INFRASTRUKTUR

## NARATIF SENI RUPA MALAYSIA

### JILID

3

DISUNTING OLEH NUR HANIM KHAIRUDDIN,  
BEVERLY YONG, RAHEL JOSEPH DAN TENGKU  
SABRI IBRAHIM

- Sulaiman Esa dan Khatijah Sulaiman: *Mengubah kaedah – Reka Bentuk Asas, Kongres Kebudayaan Kebangsaan dan Islamisasi*
  - Hasnul J. Saidon: *Metodologi pengajaran*
  - Chung Chen Sun: *Pendekatan Timur dan Barat*
  - Shia Yih Yiing and Chang Yoong Chia: *Sebuah asas untuk masa hadapan*
  - Choong Kam Kow: *Melibatkan diri dengan tuntutan zaman*
  - Cheah Yew Saik: “*100 tahun untuk membina satu generasi*”
  - Kow Leong Kiang: *Latihan lawan pembangunan diri*
  - T.K. Sabapathy: *Sukatan pelajaran sejarah seni pertama*
  - Zainol Shariff: *Daripada pelajar kepada guru*
  - Ray Langenbach dan Hasnul J. Saidon: *Pertukaran jentera*
  - Emelia Ong: *Membangunkan sebuah budaya penyelidikan*
  - Kim Ng: *Menyediakan pelajar seni hari ini untuk industri kreatif*
  - Gan Tee Sheng: *Menyertai dunia seni kontemporari*
  - Lim Kok Yoong: *Seni dan teknologi, sebuah pendekatan rentas disiplin*
  - Chew Win Chew (Okui Lala): *Memperkasa masa hadapan seni media*
- 450 Pendidikan Seni di Malaysia – Isu-isu Akan Datang:  
Sesi Meja Bulat
- 467 **MENGENAI PENULISAN DAN PENERBITAN** (BEVERLY YONG, PENY.)
- 468 Mengenai Penulisan dan Penerbitan
- 470 Tinjauan Ringkas Tentang Liputan Mengenai Seni dalam Media di Malaysia  
OOI KOK CHUEN
- 482 Kritikan Seni lawan Penulisan Seni: Situasi di Malaysia  
SARENA ABDULLAH
- 489 Tiada Kualiti: Beberapa Catatan Mengenai Penulisan Seni di Malaysia  
ZEDECK SIEW

- 499 Apabila Semua Orang Melakukan Semua Perkara:  
Silang-disiplin dan Cabaran Memainkan Pelbagai Peranan  
dalam Seni Malaysia  
SHARON CHIN
- 507 Jadual Susurmasa
- 512 Penghargaan Projek

## Kritikan Seni lawan Penulisan Seni: Situasi di Malaysia

SARENA ABDULLAH

Versi penuh kertas kerja ini telah diterbitkan di dalam  
*Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities*, 19:2 (2012).

Terjemahan dari Bahasa Inggeris oleh Hasnul J. Saidon.

Semenjak 1990-an, perubahan yang berlaku dalam domain kebudayaan di Malaysia telah menjadi amat penting. Sejak kebelakangan ini, arena seni rupa Malaysia telah menjadi inisiatif yang berterusan, rancak dan sering berubah. Tambahan pula, kehadiran globalisasi dan teknologi siber, terutama sekali Internet, telah mempengaruhi dan memacu aliran dalam seni rupa dan para pengkarya ke beberapa arah yang berbeza. Sejak 2006, harga karya para pengkarya Malaysia telah melonjak hasil daripada permintaan antarabangsa terhadap karya-karya seni dari Asia. Beberapa pengkarya Malaysia telah menerima pengiktirafan antarabangsa, memenangi tempahan dari muzium-muzium di Jepun dan Eropah, dan dijemput untuk menyertai pameran-pameran besar yang berprestij di seluruh dunia.

Sementara terdapat banyak perkembangan positif dalam seni rupa Malaysia, keadaannya adalah agak berbeza dari Euro-Amerika, di mana dunia seninya terdiri dari mereka yang terlibat dalam produksi, tempahan, pemuliharaan, promosi, kritikan, dan penjualan seni, dan wujud dalam struktur formal rangkaian pengkarya, kritik, pembekal, galeri, muzium, pengumpul dan pendidik yang terlibat dengan realiti sehari-hari seni rupa dalam pelbagai tahap. Di Malaysia, peranan pihak-pihak ini adalah agak terhad. Lebih utama lagi, terdapat kekurangan kesedaran di kalangan rakyat Malaysia terhadap apresiasi seni moden khususnya, kerana sistem pendidikan secara umumnya tidak mendokong mahupun menggalakkan bidang-bidang seni dan budaya. Dari segi penulisan dan dokumentasi, hanya beberapa bentuk "penulisan seni" yang terhad sahaja yang masih berterusan.

Analisa dan penyelidikan ilmiah yang serius dalam bidang sejarah seni dan kritikan seni rupa Malaysia tidak berkembang secara progresif seperti yang diharapkan, dan tidak dianggap sepenting perkembangan seni rupa Malaysia itu sendiri. Kekurangan teks dari segi kuantiti dan kualiti

telah menjadi antara rungutan mereka yang terlibat dengan seni rupa Malaysia.<sup>1</sup> Ini tidak seperti di Euro-Amerika, dalam mana penulisan yang dirujuk sebagai "kritikan seni" dan "penulisan seni" tumbuh seiring dengan karya-karya seni, ditulis dan diterbitkan di bawah beberapa konteks yang berbeza dan untuk menjawab beberapa keperluan.

"Kritikan seni" adalah satu bentuk penulisan yang menganalisa dan menilai karya-karya seni berdasarkan pertimbangan dan penilaian. Bentuk kritikan sebegini tidak pernah dihasilkan dengan signifikan di Malaysia. Walaupun pelbagai penulisan seni yang dibincangkan dalam eseи ini boleh dikenal pasti secara longgar sebagai kritikan seni, pendirian saya dalam menggunakan istilah "penulisan seni" dan bukannya "kritikan seni" adalah bersauh kepada fakta bahawa penulisan seni yang telah dihasilkan di Malaysia kekurangan aspek-aspek kritis dari segi pertimbangan dan penilaian yang amat penting dalam kritikan seni.

Oleh itu, apakah kritikan seni dan kenapa, walaupun dengan perkembangan progresif seni rupa Malaysia sejak 20 tahun yang lepas, genre penulisan sebegini tidak muncul sewajarnya dalam dunia seni rupa Malaysia? Noel Carrol menerangkan bahawa kritikan seni adalah satu aksi mengkritik karya-karya seni, walaupun ia tidak terhad pada memberi pendapat sepakat tentang apa yang dikatakan pameran seni rupa yang bagus dan sebaliknya.<sup>2</sup> Ia melibatkan analisis karya-karya seni, yang meliputi tindakan menerangkan, memberi klasifikasi, memberi konteks, memperjelas, mentafsir, dan yang paling penting, memberi penilaian berhujah tentang sesbuah karya atau siri karya yang dibincangkan. Penulisan seni adalah tertakluk pada beberapa kategori, bergantung pada jenis analisa atau kritikan yang ditawarkan oleh pengarang. Contohnya, seorang pengkritik seni ialah "seorang yang terlibat dengan penilaian berhujah tentang karya-karya seni"; mereka mungkin seorang ahli akademik, pemberita atau penulis seni yang menulis penilaian mereka dengan hujah yang kukuh. James Elkins, dalam mengategorikan kritikan seni di Amerika, memberi klasifikasi berbeza terhadap beberapa jenis kritikan seni seperti yang berikut – eseи katalog, bahan-bahan akademik, kritikan budaya, rungutan konservatif, eseи ahli falsafah, kritikan seni deskriptif dan kritikan seni poetik.<sup>3</sup> Kecuali eseи katalog, tiada kategori eseи di atas yang muncul dengan banyak di Malaysia.

Bahan-bahan bercetak berkenaan seni rupa Malaysia adalah terhad pada eseи dan artikel yang ditulis untuk katalog pameran, seksyen dalam akhbar

dan majalah, dan penerbitan atas talian.<sup>4</sup> Penerbitan ini secara umumnya meliputi analisa umum dan formal terhadap beberapa siri karya, memberi laporan tentang peristiwa-peristiwa seni, temu bual peribadi, dan profil pengkarya. Walaupun pelbagai, penulisan ini gagal menerapkan komponen penting kritikan seni, iaitu diskusi kritis tentang karya berdasarkan pertimbangan dan penilaian. Bahan-bahan penulisan ini juga meminggirkan konteks sejarah, sosial dan politik, karya dan pameran yang dipamerkan. Esei katalog contohnya, hanya menceritakan deklarasi peribadi pengkarya, bukannya membandingkan kemungkinan penilaian individu antara seorang pengkarya dengan pengkarya lain. Hasilnya, kegiatan dan esei kuratorial mengandungi secara meluasnya satu pengumpulan dan diskusi ‘neutral’ tentang karya-karya seni berdasarkan tema-tema dan genre.<sup>5</sup>

Terdapat beberapa sebab mengapa kritikan seni tidak berkembang sejajar dengan perkembangan seni rupa di Malaysia. Pertama, seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, struktur dunia seni rupa Malaysia tidak lengkap. Seni rupa sebagai satu bidang pengetahuan yang penting tidak dipromosi dan disokong dalam sistem pendidikan yang berdasarkan Dasar Ekonomi Kebangsaan,<sup>6</sup> dalam mana pemberatan terhadap seni dan teknologi menekan setiap peringkat kehidupan Malaysia, meminggirkan realiti artistik dan budaya daripada dasar kerajaan dan kesedaran popular. Dalam dasar pendidikan Malaysia, terdapat penekanan besar terhadap kalangan pelajar untuk memilih pengkhususan dalam bidang sains, bukannya seni. Program-program kesenian pada tahap pendidikan tinggi adalah terhad dan hanya pada era 1990-an barulah kita dapat menyaksikan kemunculan sekolah-sekolah seni dan reka bentuk umum dan swasta. Namun, perkembangan ini tidak mengambil kira permasalahan dalam penulisan seni di Malaysia memandangkan program-program sarjana muda di sekolah-sekolah seni di Malaysia adalah secara eksklusifnya berasaskan studio. Subjek-subjek bersifat penulisan seperti Sejarah dan Teori Seni hanya wujud sebagai kursus-kursus elektif dan wajib untuk menyokong program-program studio. Hingga kini, tiada satu bidang penyelidikan sejarah seni yang dibina secara sistematik di sekolah-sekolah seni Malaysia, itupun belum lagi mengambil kira sejarah seni atau kritikan seni sebagai bidang pengkhususan. Hasilnya, mereka yang mengikuti pengajian di sekolah-sekolah seni atau program-program pengajian seni liberal tidak terdedah kepada penyelidikan dan penulisan seni. Kesan dari kekurangan ini jelas kelihatan dalam tesis-tesis dan disertasi pasca-siswazah yang kurang kefahaman kritis dan analisis seni. Kebanyakan penyelidik MA

dan PhD (dalam sejarah seni) memberi tumpuan terhadap dokumentasi sumber-sumber primer dan kurang kealihan analitikal serta teoretikal untuk meningkatkan kualiti penyelidikan dan analisis.

Keduanya, kritikan sebagai satu genre hampir tidak wujud dalam penulisan seni rupa Malaysia; jika ada sekalipun (mungkin kolumn seni mingguan dalam *Business Times* dari 1992 hingga 1996 oleh Redza Piyadasa adalah satu pengecualian), ia agak tidak berterusan, dan hingga kini masih kurang pengkritik seni rupa yang serius dengan kolumn dalam akhbar atau majalah secara konsisten, dan jumlah penulis/pemberita yang khusus dalam kritikan serta ulasan seni juga terhad. Mereka yang terlibat dengan kritikan seni dan ulasan umum sering kali terdiri dari para individu yang membawa pelbagai posisi seperti pengkarya, pensejarah seni, kurator, ahli akademik, atau pengurus seni. Dalam hal ini, beberapa nama yang lebih menonjol ialah seperti Redza Piyadasa (pengkarya, ahli sejarah seni, kurator, penulis), Nur Hanim Mohamed Khairuddin (pengkarya, kurator, penulis), Hasnul Jamal Saidon (pengkarya, kurator, pengarah muzium, ahli akademik, penulis), Wong Hoy Cheong (pengkarya, penulis), Beverly Yong (pengurus seni, kurator, penulis), dan Snow Ng (penulis, kurator, pengurus seni) dan beberapa lagi yang lain. Yang terkecuali dalam konteks ini ialah Ooi Kok Chuen, seorang pemberita dan pengulas seni yang telah secara konsisten menulis tentang seni rupa Malaysia dalam akhbar-akhbar utama. Mungkin bukan sesuatu yang tidak lazim dalam suasana seni rupa dalam mana penulisan dan penulis tentang seni adalah amat jarang, kerana mereka yang bukan dari kalangan penulis terpaksa tunduk kepada tuntutan untuk menulis – pengkarya bertukar menjadi penulis, pemilik galeri persendirian menjadi kurator dan penulis seni rupa; pengkarya mengusahakan galeri dan ruang persendirian, pemilik galeri/kurator menjadi ahli sejarah seni, dan penulis seni bertukar menjadi pengkarya, dsb. Kepelbagaiannya posisi sebegini menolak peraturan halus yang menuntut agar pengkritik seni tidak sepatutnya bersahabat dengan pengkarya, tidak boleh menerima bantuan dari pengkarya, dan tidak boleh menerima bayaran untuk esei-esei katalog dari galeri-galeri komersial yang meminta penulisan mereka.<sup>7</sup> Malangnya, dengan kepelbagaiannya peranan penulis yang terlibat secara langsung dengan arena seni rupa Malaysia, kriteria untuk pengkritik seni sebagai pemerhati dan intelektual yang tidak terlibat tidak dapat dipenuhi.

Ketiga, terdapat persoalan sama ada peranan pengkritik seni benar-benar difahami oleh para pengkarya dan khalayak umum Malaysia.

Boris Groys menyatakan bahawa peribadi pengkritik seni muncul pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20.<sup>8</sup> Menurut beliau, pengkritik seni bukanlah wakil kepada dunia seni rupa, tetapi secara tegasnya merupakan seorang pemerhati luar yang peranannya adalah untuk menghakimi dan mengkritik karya-karya seni atas kepentingan khayalak umum. Oleh itu, pertimbangan yang dilakukan oleh pengkritik seni mestilah bebas dari sebarang kepentingan pengkarya. Nilai kritikan perlulah bersifat ‘mendidik dan konstruktif’ dan mestilah bebas dari bias tertentu, juga adil dalam penilaian di samping tertumpu pada nilai sesebuah karya atau peristiwa dalam konteks yang lebih luas, yang boleh dilakukan dengan membanding karya seni dengan karya-karya seumpamanya sebelum ini, atau karya-karya lain oleh pengkarya yang sama.<sup>9</sup>

Seiring dengan kepentingan pertimbangan sebagai aspek kritikan yang paling penting, pendapat tentang apa yang baik, tidak baik atau buruk mungkin tidak dapat diterima dalam masyarakat Malaysia. Menulis tentang kritikan di Malaysia, penyunting Art Corridor Ming Chua menyatakan bahawa, “Bukan saja komentar bersahaja tentang sebuah karya seni itu mustahil, ia juga dianggap sebagai salah”.<sup>10</sup> Dalam arena seni rupa Malaysia, tidak dapat difahami sepenuhnya kenapa pengkritik seni perlu bercakap untuk diri mereka sendiri sahaja dan mesti pula dilihat sebagai warga persendirian dengan pendapat tunggal untuk didengari di celah persaingan banyak pendapat dan suara – dalam menentukan sama ada sesuatu itu bernilai untuk dilihat atau tidak.

Dalam konteks Malaysia, dalam mana penegasan terhadap pertimbangan oleh pengkritik seni adalah jarang dan kertas-kerja akademik yang bagus tentang seni adalah terhad, peranan untuk memberi penerangan dan konteks terhadap seni secara automatis terletak pada para penulis dan kurator, menerusi peluang-peluang katalog dan lain-lain penerbitan seni rupa. Galeri-galeri yang lebih besar dan terkemuka mampu memberi pengaruh terhadap cara karya-karya pengkarya dipersembahkan kepada khalayak menerusi penulisan seni jika mereka memiliki wang yang cukup untuk menerbitkan katalog berwarna dan mengupah para penulis untuk membekalkan esei dengan 3000 perkataan tentang pengkarya yang berpameran.<sup>11</sup> Semenjak 1990-an, apabila sejumlah galeri di Kuala Lumpur mula bertambah, mereka dalam kedudukan kuratorial, atau pemilik galeri secara umumnya, kelihatan mempunyai kelebihan sebagai mediator untuk seni rupa kontemporari di Malaysia. Tambahan lagi, Internet kini menawarkan pelantar penting untuk menerbitkan penulisan

tentang laman-laman sesawang galeri, laman-laman sesawang khas untuk seni, kumpulan-kumpulan sesawang, dan laman-laman sesawang rangkaian sosial seperti facebook, dan blog.<sup>12</sup>

Perbincangan sebelum ini mencadangkan bahawa istilah “kritikan seni” tidak menghuraikan dengan tepat jenis-jenis penulisan yang telah dihasil dan diterbitkan dalam seni rupa Malaysia. Istilah “penulisan seni” adalah lebih sesuai untuk menghuraikan dalam pelbagai cara dan posisi kepenulisan yang pernah digunakan untuk membincangkan seni rupa Malaysia.

Dalam sebuah negara yang kekurangan dari segi pembangunan sejarah seni dan kritikan sebagai disiplin akademik, penulisan seni dalam katalog-katalog seni serta pelbagai esei dan ulasan, laporan dalam akbar-akbar dan majalah tempatan, temu bual dan perbualan yang diterbitkan secara atas talian adalah sumber yang merakamkan aktiviti-aktiviti kesenian kini. Namun adakah penulisan seni ini perlu hanya sekadar analisis formalistik atau laporan peristiwa seni? Tentunya tidak. Walaupun penulisan ini bertujuan untuk pembacaan umum, ini tidak bermakna ia perlu hanya menjadi penerangan ringkas tentang kualiti formal sesebuah karya seni atau biografi pengkarya. Adalah membantu jika dibekalkan pengetahuan tentang sejarah seni, asas kritikan seni dan pengetahuan tentang pelbagai teori seni rupa. Tidak sekadar menghasilkan “penulisan seni” yang hanya memaparkan karya-karya seni, para penulis mestilah juga melibatkan kandungan dan konteks karya-karya seni. Ini dapat membantu khalayak membentuk kefahaman yang lebih baik tentang kepentingan karya-karya tersebut. Sebagai contoh, penulisan seni mestilah mengetengahkan konteks, dari segi sejarah, pengaruh lokal, dan persekitaran sosial serta budaya setiap karya. Seorang pengkritik mesti mengambil sikap berkecuali dan menulis atas kepentingan khalayak. Komentar dan pendapat kritis tentang karya seni mestilah berdasarkan fakta dan bukan kecondongan peribadi. Walaupun berdasas tujuan yang berbeza, penulisan seni di Malaysia membentuk segmen yang penting dalam seni rupa Malaysia dan perlu diperbaiki, kerana ia membentuk arkib yang akan membantu kita memahami masa lepas, masa kini dan masa depan sejarah, kebudayaan dan seni di Malaysia.

<sup>1</sup> Sarena Abdullah, ‘The predicament of “art writings” in Malaysian art’, *sentApl*, 03:09 (2010).

- 2 Noël Carroll, *On Criticism*, New York: Routledge, 2009, h. 13-14.
- 3 James Elkins, *What happened to art criticism?*, Chicago: Prickly Paradigm Press 2003, h.16-73.
- 4 Perlu dinyatakan di sini bahawa perbincangan tentang penulisan seni dalam kertas ini tidak meliputi eseи 'peer-review' yang berkait dengan sejarah seni akademik seperti yang telah diterbitkan dalam jurnal akademik tempatan. Pengaruh kertas-kertas kerja yang telah diterbitkan ini terhadap wacana seni tempatan tidak dapat dikenal pasti kerana ia kebiasaannya berasaskan praktis dan tidak melibatkan wacana kritis. Juga, memandangkan pengedarannya terhad dan topik perbincangannya adalah lebih khusus, kertas-kertas ini kebanyakannya tidak begitu mencapai khalayak umum. Buku-buku akademik tentang seni rupa moden dan kontemporari adalah juga terhad, oleh itu tidak akan dibincangkan dalam kertas ini.
- 5 Malangnya, situasi kuratorial juga seperti situasi penulisan seni di Malaysia; tiada pakar yang profesional yang dapat mengurus dan mentafsir semula pameran-pameran seni di Malaysia – hasilnya, banyak pameran cenderung mengulang dan terhad dari segi mempersembahkan karya-karya seni kepada khalayak. Akhirnya, pameran-pameran seni cenderung menjadi gugusan karya yang dikumpul dalam premis galeri, biasanya dikaitkan secara longgar. Tema yang longgar sering membawa kepada eseи yang longgar dan kurang sokongan hujah.
- 6 Matlamat DEP adalah untuk meningkatkan pemilikan ekonomi orang Melayu dari sekitar 3% pada 1971 kepada 30% dalam tempoh 20 tahun, menerusi usaha besar kerajaan dan intervensi dalam usaha untuk membawa Bumiputera dalam ekonomi urban moden.
- 7 Eleanor Heartney, 'The crises in art criticism', dalam Raphael Rubenstein (peny.), *Critical mess: Art critics on the state of their practice*, Lenox, MA: Hard Press Editions 2006, h. 101-107.
- 8 Boris Groys, 'Critical reflections', *Artforum International*, 36:2 (1997).
- 9 J. W. English, *Criticizing the critics*, New York: Hastings House Publishers 1979, h. 3.
- 10 Ming Chua, 'Literature, criticism and the fine arts: Can we handle it?', *Art Corridor* (Julai-Sep. 2003), h. 15-17.
- 11 Kebanyakan galeri-galeri kecil menjemput para penulis seni dengan bayaran minimal dari RM200 ke RM500 untuk eseи pameran seni sepanjang 1000 hingga 1500 perkataan. Galeri-galeri dan institusi yang lebih terkenal sebaliknya membayar RM1 satu perkataan untuk eseи sepanjang 3000 hingga 3500 perkataan.
- 12 Untuk meneliti penulisan atas talian (yang diterbitkan dalam blog), dan penggunaan Internet sebagai pelantar untuk menyebarkan maklumat tentang seni memerlukan satu kajian berbeza.

Diringkaskan dari kertas kerja asal yang diterbitkan di dalam  
*Kemanusiaan*, 19:2 (2012), Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia Press 2012, h. 63-78.  
 Terima kasih kepada Sarena Abdullah dan Penerbitan Universiti Sains Malaysia.

## Tiada Kualiti: Beberapa Catatan Mengenai Penulisan Seni di Malaysia

ZEDECK SIEW

Terjemahan dari Bahasa Inggeris oleh Teratak Nuromar.

Berikut ialah beberapa tanggapan yang lazim: Penulisan seni kontemporari di Malaysia berada dalam keadaan serba cacamarba. Ia belum mencapai tahap kualiti yang sepatutnya; era kegemilangannya (zaman Piyadasa dan penulis-penulis hebat seangkatannya) sudah berlalu pergi – atau mungkin juga kita sebenar-benarnya tidak pernah pun melalui zaman cemerlang itu. Walau apapun, suasanya dari sehari ke sehari semakin merosot dan kian parah.

Catatan-catatan berikut mempunyai kaitan dengan usaha saya untuk cuba memahami kenapa penulisan seni kita menjadi sedemikian rupa, dan menyarankan beberapa cara untuk memperbaiki serta mempertingkatkannya. Saya akan membincangkan hal ini berdasarkan pengalaman saya sendiri – sebagai seorang yang pernah bertugas selaku pengkritik, penyunting dan penulis untuk beberapa penerbitan tempatan yang memfokuskan pada isu-isu budaya.

### PENULISAN ADALAH CANDU TERBAIK UNTUK MASUK KE DUNIA SENI.

Terimalah hakikat: bahawa seni kontemporari, pada zahirnya, agak sukar difahami. Dulu, sebagai anak muda yang belum berpengalaman serta tidak pernah mendapat pendidikan rasmi, saya merasa pelik dan tertanya-tanya tentang objek-objek yang saya lihat di galeri-galeri di KL, namun saya tidak pernah benar-benar berminat dengannya – sekurang-kurangnya sehinggalah saya mulai membaca penulisan-penulisan mengenainya.

Esei-esei yang saya baca – kebanyakannya melalui jurnal seni atas talian, *Kakisensi* – memperkenalkan saya kepada sejarah, kepada kaedah-kaedah analitikal, kepada cara-cara menghayati karya seni. Esei-esei tersebut membantu saya memahami seni, dan seterusnya memberi saya peluang